MENGURUSKAN RISIKO TERHADAP KESTABILAN KEWANGAN

Kestabilan kewangan domestik terus terpelihara dengan baik

Sistem kewangan Malaysia terus berdaya tahan meskipun pasaran kewangan domestik terus tidak menentu, ekoran ketidakpastian dalam persekitaran luaran yang ketara pada separuh kedua bulan September. Pengantaraan kewangan terus disokong dengan baik oleh institusi kewangan yang kukuh, keadaan pasaran kewangan yang teratur dan keyakinan yang berterusan terhadap sistem kewangan. Meskipun tempoh yang akan datang dijangka kekal mencabar, prospek bagi kestabilan kewangan domestik terus positif.

Risiko kredit kekal terurus disokong oleh keupayaan membayar balik hutang yang berterusan oleh peminjam

Risiko kredit dalam sistem perbankan terus stabil berikutan keupayaan membayar balik hutang yang berterusan oleh sebahagian besar peminjam. Paras pinjaman terjejas tidak berubah pada 1.3% daripada pinjaman bersih (S2 2014: 1.3%), manakala paras pinjaman tertunggak antara satu hingga tiga bulan menurun kepada 2.5% daripada jumlah pinjaman (S2 2014: 2.7%). Saiz dedahan risiko kredit industri insurans, yang berpunca terutamanya melalui pemegangan sekuriti hutang swasta, adalah pada 3.8% daripada jumlah modal asas (S2 2014: 3.5%).

Agregat peminjaman isi rumah melalui bank dan institusi kewangan bukan bank utama meningkat pada kadar yang lebih perlahan sebanyak 2.3% pada suku ketiga (S2 2014: 2.5%) kepada RM918.2 bilion (S2 2014: RM897.8 bilion), apabila langkah-langkah yang dilaksanakan untuk membendung hutang isi rumah terus memberikan kesan. Peminjaman isi rumah yang sederhana disebabkan oleh pembiayaan untuk pembelian kenderaan bermotor yang meningkat pada kadar yang lebih perlahan sebanyak 0.7% pada suku itu (S2 2014: 0.9%). Pada asas tahunan, hutang isi rumah agregat terus meningkat pada kadar yang stabil sebanyak 10.4% (S2 2014: 10.3%). Risiko kepada kestabilan kewangan ekoran keberhutangan isi rumah yang tinggi kekal terurus, disokong oleh nisbah khidmat bayaran hutang (debt servicing ratios, DSR) berhemat bagi hutang isi rumah baharu. Pinjaman terjejas tidak berubah pada 1.2% (S2 2014: 1.2%) manakala pinjaman tertunggak antara satu hingga tiga bulan adalah pada 1.9% (S2 2014: 2.0%) daripada jumlah peminjaman isi rumah daripada sektor perbankan. Perkembangan ini disokong oleh keadaan guna tenaga dan pertumbuhan upah yang stabil, yang menyokong nisbah pembayaran hutang kepada pengeluaran pinjaman yang mampan. Pada paras agregat, aset kewangan isi rumah terus kukuh pada 2.2 kali daripada hutang isi rumah. Walau bagaimanapun, isi rumah yang berpendapatan lebih rendah perlu menangani kos kehidupan yang lebih tinggi dengan penampan kewangan yang lebih kecil.

Pada suku ketiga, peminjaman domestik (pinjaman, sekuriti hutang swasta dan sukuk) oleh sektor perniagaan meningkat 1.6% (S2 2014: 1.1%), didorong terutamanya oleh sektor harta tanah. Peminjaman luar negeri hampir tidak berubah pada suku kedua (S2 2014: 0.1%; S1 2014: 2.0%). Ini menyebabkan pertumbuhan tahunan peminjaman luar negeri lebih sederhana kepada 13.9% pada akhir suku kedua (S1 2014: 20.4%). Sejumlah besar peminjaman luar negeri adalah untuk perniagaan yang beroperasi dalam sektor ekonomi yang lebih intensif modal seperti sektor minyak dan gas, telekomunikasi dan kuasa. Kualiti dedahan kredit sistem perbankan kepada perniagaan terus kukuh meskipun pinjaman terjejas meningkat 0.1 mata peratusan kepada 2.8% daripada jumlah pinjaman perniagaan (S2 2014: 2.7%). Pinjaman tertunggak antara satu hingga tiga bulan menurun kepada 0.3% daripada jumlah pinjaman perniagaan (S2 2014: 0.5%). Risiko mungkir, seperti yang diukur oleh kebarangkalian jangkaan mungkir, kekal rendah pada 0.14% (S2 2014: 0.15%) dalam keadaan prestasi kewangan perniagaan

yang mampan. Potensi kerugian daripada dedahan kredit oleh bank kepada perniagaan juga dikurangkan melalui penampan kewangan kukuh yang dikumpul oleh perniagaan untuk menghadapi perubahan yang menjejaskan persekitaran operasi. Pada akhir suku kedua 2014, aset semasa perniagaan ialah 1.7 kali liabiliti semasa (S1 2014: 1.8 kali), manakala kedudukan leveraj perniagaan, seperti yang diukur oleh nisbah hutang kepada ekuiti, hampir tidak berubah pada 40.7% (S1 2014: 40.2%). Nisbah perlindungan faedah perniagaan ialah 6.5 kali (S1 2014: 7.2 kali), dan kekal melebihi paras berhemat meskipun beberapa perniagaan dalam industri perkilangan, serta perdagangan dan perkhidmatan mencatat keuntungan operasi yang lebih rendah.

Dalam pasaran harta tanah, langkah-langkah kehematan makro dan langkah-langkah lain yang diperkenalkan sejak tahun 2010 untuk membendung aktiviti spekulasi dalam pasaran perumahan dalam negeri memberikan hasil seperti yang dijangkakan. Pertumbuhan tahunan Indeks Harga Rumah Malaysia (Malaysian House Price Index, MHPI) telah stabil sejak dua suku sebelumnya iaitu 9.6% pada suku pertama tahun 2014 (S4 2013: 9.6%, S3 2013: 12.2%). Data MHPI awalan juga menunjukkan bahawa pertumbuhan tahunan harga rumah terus menjadi sederhana kepada 6.6% pada suku kedua. Pelancaran baharu dan jualan dalam pasaran perumahan utama terus sederhana kerana pemaju mengambil pendekatan lebih berhati-hati susulan beberapa langkah yang dilaksanakan. Pembelian rumah

Sistem Perbankan: Kualiti Pinjaman



Sumber: Bank Negara Malaysia

bersifat spekulasi yang didorong oleh kredit terus dibendung dengan baik, dengan bilangan peminjam yang berbilang pinjaman (iaitu peminjam yang mempunyai tiga atau lebih pinjaman perumahan terkumpul) meningkat pada kadar pertumbuhan tahunan yang lebih perlahan iaitu 3.6% (S2 2014: 3.7%). Nisbah pinjaman kepada nilai (loan-to-value, LTV) juga telah mengehadkan peminjam ini dengan berkesan kepada kira-kira 3% daripada jumlah peminjam pinjaman perumahan.

Keadaan pasaran kewangan domestik terus teratur

Pelaburan portfolio mencatat kedudukan aliran keluar bersih berjumlah RM11 bilion (S2 2014: aliran masuk bersih sebanyak RM6.9 bilion) pada suku ketiga, didorong terutamanya oleh pemerolehan aset portfolio di luar negeri yang lebih tinggi oleh pelabur institusi domestik. Ketidaktentuan dalam pasaran kewangan reda meskipun ketidakpastian dalam persekitaran luaran terus menjejaskan sentimen pasaran. Purata turun naik bagi kadar hasil MGS 10 tahun dan FBM KLCI masing-masing menurun kepada 5.9% dan 5.2% (S2 2014: masing-masing 6.6% dan 6.4%). Ini disebabkan oleh prospek ekonomi dalam negeri yang positif dan sentimen pasaran yang bertambah baik susulan tindakan dasar monetari yang akomodatif dalam ekonomi maju. Kadar hasil MGS 10 tahun menurun sedikit kepada 3.9% (S2 2014: 4.0%), apabila minat pelabur terhadap sekuriti dalam denominasi ringgit berterusan. Dalam pasaran ekuiti, FBM KLCI meningkat dan mencatat paras tertinggi sebanyak 1,892.6 mata pada 8 Julai, sebelum ditutup lebih rendah pada 1,846.3 mata pada suku ketiga (S2 2014: 1,882.7 mata). Nisbah harga kepada pendapatan FBM KLCI secara amnya terus stabil pada 16.8 kali (S2 2014: 17.1 kali), disokong oleh asas-asas ekonomi yang kukuh. Mudah tunai dagangan, dari segi harga dan jumlah, kekal tidak berubah. Spread bida tawar MGS dan FBM-KLCI masing-masing tidak berubah pada 0.1% dan 0.4% daripada harga pertengahan (S2 2014: masing-masing 0.1% dan 0.4%). Nisbah pusing ganti MGS dan FBM KLCI juga stabil masing-masing pada

8.5% dan 1.7% (S2 2014: masing-masing 8.5% dan 2.0%) mencerminkan aktiviti perdagangan yang berterusan dan mantap oleh pelabur keinstitusian dan institusi kewangan domestik.

Dedahan institusi kewangan kepada risiko pasaran dibendung dengan baik

Amalan pengambilan risiko keseluruhan oleh institusi kewangan secara amnya tidak berubah. Tiada perubahan ketara dalam perkadaran dan komposisi portfolio perbendaharaan institusi kewangan. Kira-kira 98.1% (S2 2014: 97.8%) daripada portfolio perbendaharaan sistem perbankan adalah dalam bentuk sekuriti pendapatan tetap. Saiz dedahan bank kepada risiko kadar faedah dalam akaun dagangan menurun sedikit kepada 1.5% daripada jumlah modal (S2 2014: 1.6%), manakala dedahan kepada risiko ekuiti adalah pada 1.4% daripada jumlah modal (S2 2014: 1.2%). Kedudukan terbuka bersih pertukaran asing bank menyusut sedikit kepada 5.8% daripada jumlah modal (S2 2014: 5.9%) apabila bank-bank meneruskan langkah berhemat dalam pengurusan dedahan mata wang asing terutamanya selepas mengalami ketidaktentuan pada tempoh kebelakangan ini. Dedahan risiko pasaran industri insurans juga masih pada tahap yang terkawal, dan mencakupi 12.7% daripada jumlah modal (S2 2014: 12.5%). Risiko ekuiti terus merupakan sebahagian besar dedahan risiko pasaran penanggung insurans pada 8.5% daripada jumlah modal (S2 2014: 8.0%), dalam keadaan peningkatan pemegangan ekuiti (S3 2014: RM44.7 bilion; S2 2014: RM43.8 bilion). Sekuriti pendapatan tetap mewakili 70% daripada portfolio perbendaharaan industri insurans.

Sektor kewangan terus kukuh

Petunjuk kekukuhan kewangan bank-bank dan penanggung insurans adalah mantap seperti yang ditunjukkan melalui permodalan yang tinggi, perniagaan yang menguntungkan dan mudah tunai yang lebih daripada mencukupi. Nisbah modal ekuiti biasa kumpulan 1 (common equity tier 1, CET1), nisbah modal kumpulan 1 dan nisbah jumlah modal bank-bank adalah

Sistem Perbankan: Permodalan Mengikut Basel III



Sumber: Bank Negara Malaysia

Sektor Insurans: Permodalan



Sumber: Bank Negara Malaysia

Sistem Perbankan: Keberuntungan



Sumber: Bank Negara Malaysia

jauh melebihi paras pengawalseliaan minimum, masing-masing pada 12.8%, 13.5% dan 15.5%. Lebih 80% daripada jumlah modal bank-bank terdiri daripada modal berkualiti tinggi, seperti yang ditunjukkan oleh paras CET1 yang kukuh dalam bentuk modal berbayar, perolehan tertahan dan rizab. Jumlah penampan modal bank-bank, yang melebihi jumlah keperluan modal pengawalseliaan minimum adalah melebihi RM90 bilion. Nisbah Kecukupan Modal penanggung insurans adalah pada 246.9% (S2 2014: 249.7%) dengan lebihan penampan modal sebanyak

RM24.4 bilion (S2 2014: RM25.7 bilion). Bank mencatat keuntungan sebelum cukai sebanyak RM8.1 bilion pada suku ketiga (S2 2014: RM8.1 bilion), dengan pulangan atas aset dan ekuiti masing-masing pada 1.5% dan 15.6% (S2 2014: masing-masing 1.5% dan 15.8%). Dalam industri insurans, perniagaan insurans am dan takaful mencatat keuntungan operasi lebih rendah sebanyak RM788.3 juta (S2 2014: RM804 juta) disebabkan oleh keuntungan pengunderaitan yang lebih rendah. Lebihan pendapatan berbanding perbelanjaan oleh penanggung insurans hayat dan pengendali takaful keluarga menurun kepada RM3.8 bilion (S2 2014: RM4.6 bilion) dalam keadaan keuntungan pelaburan bersih dan premium perniagaan baharu yang lebih rendah bagi semua produk.

Mudah tunai dalam sistem perbankan sebahagian besarnya tidak berubah. Lebihan mudah tunai bagi tempoh 1 minggu dan 1 bulan masing-masing berjumlah 14.3% dan 14% daripada jumlah deposit (S2 2014: masing-masing 14.2% dan 14.6%). Di samping itu, institusi perbankan mempunyai penempatan bersih sebanyak RM103 bilion (S2 2014: RM 115 bilion) dengan

Sistem Perbankan: Nisbah Penampan Mudah Tunai kepada Jumlah Deposit



Sumber: Bank Negara Malaysia

Bank Negara Malaysia, yang boleh digunakan untuk memenuhi keperluan mudah tunai tambahan dan luar jangka. Mudah tunai USD berkurang sebanyak RM3.4 bilion (S2 2014: lebihan sebanyak RM3.7 bilion) dalam kelompok matang kurang daripada satu minggu berikutan aliran keluar bersih yang lebih tinggi daripada kematangan peminjaman antara bank dan kontrak derivatif pertukaran asing boleh dibayar. Walau bagaimanapun, mudah tunai USD mencatat lebihan yang lebih tinggi sebanyak RM1.2 bilion dalam kelompok matang kurang daripada satu bulan (S2 2014: lebihan sebanyak RM0.7 bilion).

Sektor Insurans dan Takaful: Penunjuk

	2013		2014		
	S2	S3	S1	S2	S3
	RM juta				
Insurans hayat & takaful keluarga					
Lebihan pendapatan berbanding perbelanjaan	*4,617.1*	*1,433.2*	*3,164.8*	*4,592.7*	*3,835.9*
Insurans am & takaful am					
Keuntungan kendalian	*772.0*	*663.8*	*823.8*	*804.0*	*788.3*
Nisbah tuntutan (%)	*57.9*	*58.8*	*56.1*	*58.0*	*56.8*
	Perubahan tahunan (%)				
Insurans hayat & takaful keluarga					
Lebihan pendapatan berbanding perbelanjaan	*12.1%*	*72.6%*	*-15.2%*	*-0.7%*	*167.6%*
Insurans am & takaful am					
Keuntungan kendalian	*9.8%*	*-2.4%*	*11.4%*	*4.3%*	*18.8%*
Nisbah tuntutan (mata peratusan)	*-1.2*	*-0.4*	*-3.4*	*-0.1*	*-2.0*

Sumber: Bank Negara Malaysia